

08 JAN 2002

Syed Hamid-Untaet

PBB DIMINTA KAJI KELEMAHAN DALAM OPERASI TIMOR TIMUR

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) harus mengaji perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Datuk N. Parameswaran, yang telah mengemukakan perletakan jawatannya sebagai ketua staf Pentadbiran Peralihan PBB di Timor Timur (Untaet) bagi memperbaiki hubungan dengan bekas wilayah Indonesia itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sebagai kakitangan PBB, diplomat M'sia itu telah memaklumkan kepada majikannya mengenai apa yang menurut pendapatnya sebagai kelemahan operasi PBB berdasarkan pengalaman peribadi beliau.

"Saya berpendapat ia memberi peluang bagi PBB untuk mengkaji semua perkara yang beliau bangkit, yang mungkin bermanfaat bagi menangani keadaan di Timor Timur supaya kelemahan dan masalah dalam konteks pengurusan kakitangan, keberkesanan PBB apabila menjalankan operasi, dapat diatasi" kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah Khidmat Cemerlang kepada 46 kakitangan kementerian di sini hari ini.

Syed Hamid diminta mengulas laporan yang disiarkan oleh sebuah harian berbahasa Inggeris hari ini mengenai perletakan jawatan Parameswaran berhubung dengan apa yang dikatakannya sebagai campurtangan daripada "pihak atasan Untaet" dan dasar kulit putih misi itu".

Dakwaan Parameswaran, antara lain, mengenai campurtangan dalam tugas dan dipencilkan bagi membuat keputusan penting, terkandung dalam suratnya kepada Setiausaha Agung PBB Kofi Annan.

Syed Hamid menyifatkan beliau sebagai pegawai kementerian yang baik dan seseorang yang tidak akan membuat tuduhan liar.

Beliau berkata sebenarnya tempoh tugas Parameswaran di Timor Timur dilanjutkan tetapi beliau membuat keputusan untuk menamatkan tempoh itu lebih awal. Parameswaran dilaporkan memegang jawatan itu pada Jan 2000.

Katanya PBB patut mengambil iktibar dan berusaha membetulkan keadaan kerana tuduhan yang dibuat bukanlah sesuatu yang boleh dikatakan berasaskan perasaan atau liar tetapi berasaskan pengalaman.

"terserahlah kepada PBB untuk menarik perhatian, ia harus menjalankan siasatan bagi mengambil langkah-langkah pencegahan supaya perkara ini tidak berulang," katanya.

Kepada satu soalan, Syed Hamid berkata isu itu tidak akan menjejaskan komitmen Malaysia dalam operasi dan aktiviti PBB.

Mengenai lawatan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi ke Malaysia pada Khamis, Syed Hamid berkata isu-isu dua hala, serantau dan kepentingan antarabangsa dijangka dibincangkan antara beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami percaya bahawa lawatan ini tepat pada masanya dan membolehkan kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan ke arah memperkukuhkan lagi hubungan antara Malaysia-Jepun dan Asean-Jepun," kata beliau.

Syed Hamid juga menyangkal tanggapan bahawa hubungan antara Malaysia dan Filipina telah terjejas ekoran episod Nur Misuari.

Beliau berkata sebaliknya, ia menunjukkan kedua-dua negara menjalin hubungan rapat dan kerjasama yang berkesan.

Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao dan tujuh pengikutnya dihantar pulang ke Manila selepas ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia kerana memasuki negara ini secara haram pada 24 Nov.

-- BERNAMA

MAM AHH FAZ